

MPK komited beri keselesaan kepada penduduk

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akan memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan keselesaan penduduk di daerah ini.

Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh berkata, ia termasuk sentiasa memastikan kebersihan bandar ini sama ada di kawasan perumahan dan industri besar mahupun kecil.

"Kita sebolehnya mahu kawasan persekitaran bandar dalam keadaan bersih. Justeru saya minta agar pengusaha pengusaha bengkel perlu menjaga kebersihan kawasan masing-masing supaya sentiasa bersih dan selesa.

"Penduduk juga perlu ada kesedaran kerana ini penting bagi memastikan bandar ini bebas dari sebarang kekotoran," katanya ke-

tika berucap pada majlis Gotong-Royong Perdana MPK yang diadakan di kawasan bengkel SKB, Batu 5 Jalan Gambang, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir pada program tersebut, Ahli Parlimen Kuantan, Datuk Abdul Manan Ismail dan kira-kira 15 penduduk dan pelbagai agensi terlibat dalam program berkenaan.

Menurutnya, penduduk di sesuatu penempatan juga disaran mengambil inisiatif untuk bersama-sama menjaga kebersihan kawasan bengkel dan termasuk kejiranan mereka.

Jelasnya, penularan wabak penyakit seperti denggi dapat diatasi sekiranya penduduk mempunyai kesedaran mengekalkan kebersihan sekitar di kawasan bengkel dan kediaman masing-masing.

Menurutnya, atas kesedaran berkenaan, pihaknya dengan kerjasama Parlimen Paya Besar, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Pejabat Kesihatan Kuantan, Alam Flora Sdn Bhd dan Persatuan Pengusaha Bengkel Skim Kilang Bimbingan (SKB) serta penduduk sekitar mengadakan program Gotong-Royong Perdana bagi memastikan persekitaran di kawasan tersebut bersih.

"Kita akan selesaikan masalah longkang tersumbat dan sampah sarap serta sisa industri yang mencemarkan pandangan di kawasan ini yang terletak berhampiran jalan utama.

"Bila semua itu dapat dibersihkan, masalah denggi yang menjadi ancaman besar kepada masyarakat dapat diselesaikan," katanya.



Fadilla (lima, kanan) bersama Abdul Manan (empat, kanan) turut serta dalam majlis gotong-royong perdana MPK yang diadakan di kawasan bengkel SKB, Batu 5 Jalan Gambang, baru-baru ini.

SINAR HARIAN 4/9/2017

Dalam pada itu, Fadilla berkata, gotong-royong ini juga secara tidak langsung dapat membaik pulih kawasan bengkel terbabit dan sekaligus memberikan keselesaan.

"MPK sentiasa beri kerjasama dan turun padang sekiranya ada

pihak yang mahu melaksanakan gotong-royong bersama dengan agensinya.

"Kita amat mengalu-alukan segala bentuk perancangan dan program yang beri manfaat kepada semua pihak," katanya.